

LARANGAN PENGGUNAAN LOGO LHDNM (LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA) ATAU SEBARANG RUJUKAN KEPADA HASIL TANPA KEBENARAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin mengingatkan orang ramai agar tidak menggunakan logo LHDNM atau sebarang rujukan kepada HASiL bagi tujuan pemasaran, pengiklanan atau seumpamanya di media cetak, sosial, penerbitan video serta lain-lain medium tanpa kebenaran.

Sebagai sebuah agensi Badan Berkanun Persekutuan, HASiL memandang serius terhadap penyalahgunaan logo atau rujukan tersebut di mana-mana platform atau sebarang kegunaan yang boleh mengelirukan orang ramai.

Secara amnya, penyalahgunaan logo LHDNM atau rujukan kepada HASiL merupakan satu kesalahan yang diperuntukkan di bawah **Bahagian 1, Jadual 1, Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 [Akta 414]**.

Sehubungan itu, HASiL ingin menegaskan bahawa tiada sebarang penggunaan logo LHDNM atau rujukan kepada HASiL boleh dilakukan tanpa kebenaran. HASiL tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang terlibat mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Untuk makluman, beberapa siri peringatan kepada orang ramai telah dikeluarkan oleh HASiL menerusi kenyataan media dan infografik berkaitan sindiket penipuan dengan menggunakan nama dan logo LHDNM. Oleh itu, orang ramai adalah dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa. Sebarang rujukan dan maklumat lanjut percukaian boleh diakses menerusi portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 07 Ogos 2024